

# Hak kesihatan perlu dinikmati sama rata

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menegaskan, hak kepada kesihatan harus dinikmati oleh setiap pihak tanpa mengira status atau perbezaan dan diskriminasi.

Perdana Menteri berkata demikian sempena Hari Kesihatan Sedunia hari ini, yang bertemakan ‘Kesihatan untuk Semua (*Health for All*)’.

Katanya, tema dipilih itu juga selaras nilai dan prinsip Malaysia Madani kerana kerajaan mengiktiraf hak untuk kesihatan sebagai hak asasi manusia yang penting bagi mencapai kehidupan yang bermaruah.

“Hak untuk kesihatan ini seharusnya dinikmati setiap orang secara saksama tanpa mengira status atau sebarang perbezaan dan diskriminasi,” katanya di Facebook, di sini semalam.

Anwar berkata, beliau juga komited untuk memacu pelaksanaan agenda ‘Kesihatan untuk Semua’ selari penubuhan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ke-75.

“7 April 2023 juga adalah ulang tahun ke-75 WHO. Justeru, sambutan Hari Kesihatan Sedunia ini turut mempamerkan perkongsian serta kerjasama erat antara kerajaan Malaysia dan WHO yang terjalin sejak 65 tahun lalu.

“Saya mengulangi komitmen kerajaan untuk memacu pelaksanaan agenda ‘Kesihatan untuk Semua’. Malaysia akan terus bekerjasama rapat dengan WHO bagi mempromosi kesihatan, memelihara kesejahteraan serta memberi perkhidmatan kepada golongan rentan agar setiap orang di mana sahaja boleh mencapai tahap kesihatan dan kesejahteraan tertinggi,” katanya.